Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 11/12/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 4

Kosmo (m/s 4) 11/12/2017

Angkasa sedia sertai jawatankuasa Majlis Tindakan Sara Hidup

IPOH – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menawarkan diri untuk menjadi anggota jawatankuasa Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang ditubuhkan bagi membantu mengurangkan bebanan rakyat dalam berhadapan dengan kos sara hidup.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, pihaknya menyokong penubuhan majlis itu yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada sesi penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2017 kelmarin.

"Kita berharap (untuk menjadi) jawatankuasa (majlis) kerana sara hidup ini bukan daripada segi barang makan sahaja, tetapi kita juga lihat daripada sektor lain termasuk pengangkutan, perumahan dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar Koperasi Kariah Masjid (KKM) peringkat kebangsaan 2017 di sini semalam.

Najib yang juga Presiden UMNO memberi kelulusan menubuhkan majlis itu yang dicadangkan Pemuda UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO 2017 kelmarin.

Ketika membahaskan usul ekonomi, Ketua Penerangan Pemuda UMNO, Jamawi Jaafar mencadangkan supaya majlis berkenaan ditubuhkan bagi membantu mengatasi masalah kos sara hidup, orang tengah dan sabotaj terhadap ekonomi negara.

Menjelas lanjut, Abdul Fattah berkata, KKM merupakan platform yang sesuai digunakan untuk membantu mengurangkan bebanan rakyat dalam berhadapan dengan kos sara hidup. – Bernama

Bantu rakyat tangani kos harga naik

KERATAN *Kosmo! Ahad* semalam.

*Keratan Akhbar 10/12/2017

Kerajaan setuju dengan cadangan tubuh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara

Kosmo (m/s 7) 10/12/2017

Bantu rakyat tangani kos harga naik

KUALA LUMPUR – Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bagi mendepani cabaran kos sara hidup rakyat ketika ini.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, penubuhan majlis itu telah dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya rakyat tidak terus terbeban dengan kenaikan kos sara hidup.

Beliau berkata, setiap faktor yang menyumbang kepada inflasi seperti perumahan, pengangkutan, utiliti, makanan serta minuman akan menjadi fokus utama perbincangan majlis itu.

"Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Wakil Pemuda UMNO Tenom, Jamawi Jaafar yang telah mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.

"Saya ingin mengumumkan bahawa Presiden UMNO telah bersetuju dengan cadangan itu," katanya selaku wakil kerajaan pada sesi penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Hamzah yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkata, kerajaan akan mengetatkan undang-undang bagi memerangi orang tengah yang dikatakan bertanggungjawab ke atas kenaikan harga barang.

Sementara itu, Wakil UMNO Sabah, Datuk Mohd. Arifin Mohd. Arif memohon jasa baik Presiden parti supaya peruntukan RM1 bilion untuk membaik pulih sekolah daif sedia ada di seluruh negara dalam Bajet 2018 diagihkan secara lebih menyeluruh.

Beliau berkata, peruntukan RM1 bilion itu juga wajar digunakan untuk membaik pulih sekolah tahfiz, sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat dan Kelas Agama dan Fardu Ain yang daif di seluruh negeri Sabah.

"Kita berterima kasih atas keprihatinan Presiden parti dalam merapatkan jurang pembangunan, pendidikan dan ekonomi antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak," katanya ketika membahaskan Ucapan Dasar Presiden semalam.

REAKSI sebahagian perwakilan yang bersemangat ketika mendengar ucapan pada sesi penggulungan Perhimpunan Agung UMNO 2017 di PWTC semalam.

Perpustakaan Koperasi Malaysia